



(Dari kiri) Jasmi, Jonathan dan Tack Fai **memperagakan emas dimenangi dalam acara 10m air pistol lelaki berpasukan** di Lapang Sasar Subang, semalam

Bidikan emas trio UPM

» Johnathan, Tack Fai dan Jasmi unggul acara 10m air pistol berpasukan lelaki SUKIPT

Oleh Mohd Khairie Khalid
khairie@bh.com.my

► Subang

Universiti Putra Malaysia (UPM) menjuarai acara 10 meter air pistol lelaki berpasukan, sekali gus meraih pingat emas pada temasya Sukan Institusi Pengajian Tinggi 2014 (SUKIPT2014), di Lapang Sasar Menembak Kebangsaan, dekat sini, semalam.

Ia dicapai menerusi gandin-

gan penembak kebangsaan, Johnathan Wong Guanjie dan Liew Tack Fai serta penembak pelapis kebangsaan, Jasmi Mohammad Zin selepas berjaya mengumpulkan 1674 mata.

Pingat perak menjadi milik Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) dengan 1629 mata, manakala gangsa diraih pasukan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan catatan 1586 mata.

Bagi acara individu, UPM turut membolot semua pingat dengan emas milik Wong

dengan catatan mata sebanyak 195.4, manakala perak milik Tack Fai (182.2 mata) dan gangsa milik Jasmi (165.4 mata).

3 pesilat UUM layak

Ketika ditemui, Wong mengakui gembira dengan kejayaan itu dan berazam membawa pulang pingat melalui acara 10 meter air pistol lelaki pada Sukan Komanwel, Glasgow Scotland, Julai ini.

“Saya layak ke Sukan Komanwel apabila membuat catatan 579 mata di Kejohanan

Menembak Selangor. Selepas ini, saya akan berusaha mencipta rekod baharu di Kejohanan Tun Tan Siew Sin,” katanya.

Tack Fai yang juga penembak kebangsaan akur di tangan Wong ketika ditemui berkata dia sedang berusaha menempah tiket Sukan Komanwel.

Sementara itu, pesilat olahraga individu, lelaki dan dua wanita dari Universiti Utara Malaysia (UUM) menempah tiket ke perlawanan separuh akhir acara pencak silat, pada hari ini.